

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama-nama Syarikat milik Kerajaan yang diperbadankan (Syarikat MKD) yang telah di "*bail out*", jika ada oleh Kerajaan dan implikasi kewangan kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] adalah sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957.
2. Syarikat MKD yang merupakan entiti korporat turut terdedah kepada pelbagai risiko yang boleh menjejaskan operasi dan kelangsungan syarikat. Contohnya, yang paling mutakhir adalah penularan wabak COVID-19, bukan sahaja menjejaskan aktiviti ekonomi di Malaysia malah di seluruh dunia. Kesannya meluas kepada pelbagai lapisan industri, ada yang terpaksa mengecilkan saiz operasi dan mengurangkan pekerja malah ada yang tiada pilihan dan terpaksa ditutup.
3. Sekiranya keadaan seperti ini berlaku, syarikat-syarikat MKD juga tidak terkecuali dan turut merasai kesannya dan terdapat syarikat yang mengalami masalah aliran tunai sehingga menjejaskan rizab sumber kewangan untuk terus bertahan (*survive*). Oleh itu, Kementerian Kewangan selaku pemilik syarikat atau pemegang saham majoriti perlu mengambil langkah intervensi termasuk melalui penstrukturan semula syarikat – *corporate restructuring* dan suntikan modal untuk membantu kelangsungan syarikat dan memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.